

**100 Peniaga Kemuka Laporan Kerugian Ekoran Perhimpunan 28 April
Bernama
30 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Seramai 100 peniaga dan penjaja di sekitar ibu negara melaporkan kerugian yang mereka alami akibat perhimpunan Bersih 28 April lepas kepada peguam sukarela yang menawarkan bantuan guaman secara percuma untuk menuntut ganti rugi.

Jumlah itu diperoleh selepas dua hari tawaran dibuka, kata Pengerusi Majlis Bertindak Peniaga-peniaga Kuala Lumpur Datuk Jamal Md Yunus sambil memberitahu bahawa tawaran itu dibuka sehingga akhir bulan depan.

Beliau berkata pihaknya mendasarkan lebih 70 peratus peniaga dan penjaja yang terjejas akibat perhimpunan itu akan melaporkan kerugian mereka.

"Selebihnya (bagi yang tidak membuat laporan) kami akan membuat anggaran sendiri," katanya pada sidang akhbar di sini pada Rabu.

Beliau berkata laporan yang mengandungi maklumat seperti latar belakang perniagaan dan kerugian akan dianalisis oleh peguam sukarela itu sebelum saman dikemukakan kepada pihak yang berkenaan.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=669867>